



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
AHAD 28 MAC 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	USAHA PENDIGITALAN FAMA PERKUKUH JAMINAN MAKANAN, BH-19	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Usaha pendigitalan FAMA perkukuh jaminan makanan

**Tambah baik pada semua peringkat rantaian perkhidmatan**

Oleh Luqman Arif Abdul Karim  
luqman.arif@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) berhasrat mahu terus merintis usaha pendigitalan bagi mengukuhkan aspek jaminan makanan negara.

Menjengah usia enam dekad sejak penubuhannya, agensi yang sentiasa memayungi usahawan tani merintis pembaharuan demi memastikan urus tadbir dan konsep perniagaan selari peredaran semasa.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Zainal Abidin Yang Razalli, berkata dua konsep iaitu merangkumi keseimbangan luaran dan dalaman serta pencapaian agensi itu secara menyeluruh sering diberi penekanan dalam mendepani pelbagai cabaran dan memastikan kualiti perkhidmatan kepada kumpulan sasaran.

"Jadinya, kita perlu memper-

kemaskan pengurusan sumber manusia FAMA dan sistem berkaitan. Contohnya pendigitalan, bila nak memacu usaha ke arah e-dagang, bagaimana untuk kita persiapkan FAMA sebagai sebuah agensi?"

"Justeru, kita sudah laksanakan pendigitalan di sepanjang rantaian perkhidmatan FAMA, ini penekanan yang kita sudah rancang dan tekankan, malah sentiasa ditambah baik dari semasa ke semasa.

"Berkaitan penguatan sistem dalaman dan pembangunan modal insan, ia dibuat menerusi perberian latihan kepada kakitangan FAMA," katanya pada program bual bicara, 60 minit bersama TV Al-Hijrah, kelmarin.

Memetik contoh jaminan makanan, Zainal berkata, FAMA menggalas peranan penting memastikan setiap barangan atau produk pertanian yang disimpan berupaya dihantar ke tempat tertentu dan golongan terjejas, mengikut masa serta jadual ditetapkan.

Sehubungan itu, katanya, suntikan kemahiran perlu diberi kepada kakitangan agensi berkenaan supaya mereka mampu melaksanakan tanggungjawab yang dipertaruhkan, sekali gus menjamin kelancaran aspek rantaian pembekalan dan pemasaran.

**Dalam aspek urus tadbir dan penghantaran bekalan, data bagi tempoh sama menyaksikan nilai jualan yang berjaya kita salurkan menjangkau RM1.08 bilion.**

Zainal Abidin Yang Razalli,  
Ketua Pengarah FAMA

"Kita nak tingkatkan kemahiran mereka, justeru, tahun ini, seramai 300 kakitangan FAMA dihantar menghadiri kursus dengan Angkatan Pertahanan Awam (APM) bagi menjadi tenaga sukarelawan APM.

"Kita juga memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk sama-sama wujudkan kerjasama strategik bagi memastikan segala hasrat dilaksanakan kerana diteruskan.

"Kita gunakan segala kemudahan yang ada dengan peruntukan disalurkan kerajaan dimanfaatkan bagi membina pusat penyimpanan dan logistik, supaya mat-



Zainal (kanan) pada program bual bicara 60 minit bersama TV Al-Hijrah, di Kuala Lumpur, kelmarin.

lamat akhir ialah demi kepentingan rakyat," katanya.

Mengeni peranan FAMA dalam pelaksanaan aspek jaminan makanan, Zainal berkata, lokasi strategik pusat operasi (PO) bagi menyokong pasaran e-dagang yang berdekatan dengan golongan sasaran ialah antara kelebihan memastikan rantaian bekalan tidak terputus.

Katanya, jualan keseluruhan PO di seluruh negara yang dicatatkan bagi tempoh sejak perwujudan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 hingga 14 Mac lalu ialah RM12.45 juta.

"Berbeza dengan matlamat membanding penularan COVID-19, pasaran produk pertanian tidak boleh berdepan risiko untuk terputus bekalan kerana makanan ialah faktor penting kepada penduduk di Malaysia.

"Jika terputus, ia bakal mencetuskan ketidakseimbangan faktor bekalan dan agihan, justeru bagi mengelak perkara sedemikian daripada berlaku, kita wujudkan Pasar Segar Terkawal (PST) yang menerapkan pelbagai inovasi.

"Menerusi tujuh kaedah jualan, termasuk PST, kita berjaya membantu 5,565 usahawan dengan nilai pembelian mencecah RM61.8 juta bagi tempoh antara 18 Mac 2020 hingga 14 Mac lalu," katanya.

Mengenai stigma dunia pertanian, Zainal mengakui perkara sedemikian wujud dalam kalangan masyarakat, khususnya orang muda yang beranggapan bahawa sektor berkenaan hanya dimonopoli golongan berusa.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan tanggapan itu ternyata meleset dan tidak relevan dengan peredaran semasa kerana sektor pertanian ketika ini menerapkan penggunaan pelbagai teknologi yang sinonim dengan orang muda.

"Kalau dahulu kita banyak bergantung kepada faktor kesuburan tanah dalam sektor pertanian, tetapi disebabkan perkembangan teknologi, kaedah fertisasi mampu menangani kekangan ini," katanya.

Bergantung kepada bidang yang diusahakan, Zainal memberi gambaran kasar bahawa orang muda berupaya menjana pendapatan bulanan bersih menjangkau angka RM4,000 hingga RM5,000 sekiranya menerapkan penggunaan teknologi e-masa.

Selain itu, katanya, FAMA bersedia menyalurkan bantuan dan menerima maklum balas, sama ada positif atau negatif bagi merangka usaha penambahbaikan demi manfaat segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

"Tahap penyampaian akan terus ditingkatkan supaya FAMA sentiasa berada di depan, justeru, masih banyak yang perlu dilakukan dan kita tidak boleh selesa dengan pencapaian sedia ada," katanya.



Laporan Situasi (SITREP) FAMA - nilai jualan keseluruhan usahawan dan FAMA dari 18 Mac 2020 hingga 14 Mac 2021.